

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1993/94

April 1994

PDP 474 - Kaedah Mengajar Bahasa Melayu

Masa : [3 jam]

-----  
Calon-calon dikehendaki menjawab TIGA soalan semuanya.

Jawab soalan SATU (1) dan mana-mana DUA (2) soalan lain.

**Soalan 1 (WAJIB DIJAWAB)**

Huraikan perbezaan antara pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran. Bincangkan satu pendekatan yang anda fikir sesuai untuk pengajaran kemahiran-kemahiran bahasa.

(40 markah)

**Soalan 2**

Salah satu kemahiran utama yang dititikberatkan dalam kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah ialah kemahiran berfikir. Tunjukkan bagaimana anda dapat membina kemahiran berfikir di kalangan pelajar-pelajar melalui pendidikan Bahasa Melayu.

( 30 markah)

**Soalan 3**

Apakah yang anda faham mengenai aktiviti latih tubi. Bincangkan beberapa jenis latih tubi yang anda tahu dan nyatakan bagaimana aktiviti latih tubi ini berguna dalam Pengajaran Bahasa Melayu.

(30 markah)

...2/-

(PDP 474)

- 2 -

**Soalan 4**

Penulis Mohd. Junit Johari (1994) menggariskan beberapa dikotomi pokok dalam pengajaran dan pemelajaran kemahiran menulis karangan. Apakah maksud dikotomi dalam konteks berkenaan? Bincang dan huraikan dikotomi-dikotomi tersebut.

(30 markah)

**Soalan 5**

Berdasarkan teori-teori dan prinsip-prinsip tertentu, huraikan bagaimana anda dapat mengajar satu aspek tatabahasa secara tersusun dan berkesan.

(30 markah)

- oooOooo -